

Sedarkan bahawa mereka tak 'kebal'

(3 October 2022) Metro , pg

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana warga asing yang menyalahgunakan pas lawatan atau tiada permit sah kerana mereka seolah-olah 'kebal' daripada dikenakan tindakan termasuk menjalankan perniagaan.

Presiden Gabungan Persatuan Peniaga dan Penjaja Malaysia Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, isu berkenaan bagaikan tiada kesudahan jika kerajaan terus bersikap 'pejam mata' dengan apa dilakukan golongan warga asing terabit.

"Perkara (peniaga warga asing) ini memang sudah banyak kali saya bangkitkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), malah nasihat kepada peniaga tem-

patan juga sudah tidak jalan lagi.

"Kalau kita batalkan lesen niaga, golongan ini masih kebal berniaga tanpa lesen kerana tapak itu kononnya mereka 'teroka' dan orang lain tak berani masuk," katanya mengulas senario warga Bangladesh menakluki kawasan perniagaan di Chow Kit, di sini.

Dalam tinjauan Harian Metro di sekitar Lorong Haji Taib, baru-baru ini mendapati kebanyakan kedai pakaian terpakai atau bundle diuruskan Bangladesh yang mengaku sebagai pekerja sahaja.

Mengulas lanjut isu terabit, Rosli mendakwa golongan itu seperti 'dilindungi' oleh persatuan tertentu yang mengawal kawasan masing-masing.